



KENYATAAN MEDIA

PELANCARAN TEMPOH BULAN PEMUTIHAN MULAI 1 HINGGA 31 MEI 2022 SEBELUM PELANCARAN OPS KESAN KEBANGSAAN 2022

KUALA LUMPUR - PERKESO akan melancarkan Ops Kesan kali ke tiga belas (13) pada **1 Jun 2022** bagi memastikan semua majikan yang menggajikan sekurang-kurangnya seorang pekerja mendaftarkan perusahaan dan pekerja dengan sewajarnya sebagaimana peruntukan ***seksyen 4 dan 5 Akta Keselamatan Pekerja 1969 (Akta 4), seksyen 14 dan 16 Akta Skim Insurans Pekerjaan (Akta 800) yang mula berkuatkuasa pada 1 Januari 2018 dan Akta Keselamatan Sosial Pekerjaan Sendiri 2017 (Akta 789) 1 Jun 2017.***

Sehingga 31 Mac 2022, sebanyak **527,659** majikan aktif berdaftar di bawah Akta 4 dengan seramai **8.74** juta pekerja telah mendapat perlindungan PERKESO. Dalam tempoh fasa peralihan ke endemik, PERKESO percaya masih ada majikan yang aktif menggajikan sekurang-kurangnya seorang pekerja (tanpa mengira jumlah gaji) atau menggajikan semula pekerja tetapi belum mendaftar bagi melindungi pekerja mereka di bawah Akta 4 dan Akta 800. Majikan perlulah mengambil tindakan segera untuk mendaftarkan perusahaan dan mencarumkan pekerja bagi memastikan pekerja mendapat perlindungan keselamatan sosial.

Mulai 1 Januari 2019 PERKESO telah memperluaskan lagi skop liputan Akta 4 kepada pekerja asing yang bekerja secara sah di negara ini dan seramai lebih kurang **2 juta** telah berdaftar di bawah Akta 4. Memandangkan sempadan negara telah di buka, majikan telah dibenarkan untuk menggajikan pekerja asing dan **wajib** untuk didaftarkan dengan PERKESO.

Selain itu, PERKESO juga telah memperluaskan liputan Akta 4 kepada pekerja domestik mulai 1 Jun 2021. Dianggarkan seramai lebih kurang 100 ribu pekerja domestik di Malaysia tetapi sehingga 22 April 2022 hanya **7,793** yang merangkumi pekerja tempatan dan asing telah berdaftar dengan PERKESO. Majikan yang mengajikan pekerja domestik dikehendaki untuk berdaftar dan mencarum memandangkan tempoh **cooling period** akan berakhir pada 31 Mei 2022.

PERKESO juga bertanggungjawab untuk menguatkuasakan Akta bagi Orang Bekerja Sendiri (OBS) iaitu Akta Keselamatan Sosial Pekerjaan Sendiri 2017 [Akta 789]. Di bawah Akta 789, terdapat 20 sektor telah diperkenalkan oleh pihak PERKESO manakala **dua (2) sektor yang wajib berdaftar iaitu sektor Pengangkutan Penumpang dan sektor Pengangkutan Barangan atau Makanan**. Mana-mana Orang Bekerja Sendiri (OBS) yang bekerja sendiri atau terlibat mencari nafkah di kedua-dua sektor tersebut adalah wajib untuk berdaftar dengan PERKESO. Sehingga Mac 2022 bilangan Orang Bekerja Sendiri (OBS) yang berdaftar adalah seramai **362,379 orang**. Oleh itu, bagi Orang Bekerja Sendiri (OBS) yang masih belum mendaftarkan dikehendaki berbuat demikian.

Kegagalan majikan untuk mendaftarkan perusahaan dan pekerja dalam tempoh yang ditetapkan adalah merupakan satu kesalahan yang boleh dikenakan tindakan pengkompaunan dan pendakwaan yang mana jumlah kompaun yang boleh

dikenakan boleh mencecah RM5,000.00 mengikut kesalahan dilakukan. Manakala sekiranya didakwa di mahkamah dan sabit kesalahan, mereka boleh dijatuhkan hukuman denda sehingga RM10,000.00 atau penjara sehingga dua (2) tahun atau kedua-duanya sekali.

Bagi tempoh 2019 sehingga 31 Disember 2021 sebanyak **5,896** notis kompaun dengan nilai **RM1.96 juta** telah dikeluarkan kepada majikan yang gagal mendaftar perusahaan dan pekerja manakala sebanyak **6,579** kes telah didakwa di atas pelbagai kesalahan.

Sehubungan itu, mana-mana majikan yang mendaftar secara sukarela dalam tempoh pemutihan yang bermula pada **1 hingga 31 Mei 2022 akan dikecualikan daripada tindakan pengkompaunan dan pendakwaan** walaupun telah melewati tempoh yang ditetapkan. **Pengecualian ini juga termasuklah ke atas Faedah Caruman Lewat Bayar (FCLB)** yang akan dikenakan kemudiannya dan terpakai kepada Akta 4 dan Akta 800. Manakala bagi yang berkerja sendiri selain dari sektor Pengangkutan Penumpang dan sektor Pengangkutan Barangan atau Makanan adalah **amat digalakkan** untuk mendaftar dan mencarum dengan PERKESO.

Justeru, PERKESO menyeru kepada semua majikan dan OBS yang layak dan masih belum mendaftar supaya tampil mendaftar secara sukarela di mana-mana 54 pejabat PERKESO di seluruh negara (termasuk Ibu Pejabat PERKESO). Sekiranya masih gagal berbuat demikian, tiada lagi pengecualian akan dipertimbangkan.

DATO' SRI DR. MOHAMMED AZMAN BIN DATO' AZIZ MOHAMMED
KETUA EKSEKUTIF PERKESO

27 APRIL 2022